



**KENYATAAN AKHBAR**  
**KETUA PENGARAH KESIHATAN MALAYSIA**  
**SITUASI SEMASA DEMAM DENGGI, ZIKA DAN CHIKUNGUNYA DI**  
**MALAYSIA**

(Bagi Minggu 25/2020 dari 14 Jun hingga 20 Jun 2020)


Situasi kes Demam Denggi pada minggu ke-25 menunjukkan penurunan dengan sebanyak 1,760 kes dilaporkan berbanding 1,927 kes pada minggu sebelumnya iaitu penurunan sebanyak 167 kes (8.7%). Sebanyak dua (2) kematian akibat komplikasi Demam Denggi dilaporkan pada minggu ke-25 berbanding empat (4) kematian pada minggu sebelumnya. Sehingga kini kumulatif kes Demam Denggi adalah sebanyak 52,271 kes berbanding 59,615 kes bagi tempoh sama tahun 2019 (penurunan 12.3%) manakala kumulatif kematian adalah sebanyak 90 kematian berbanding 92 kematian bagi tempoh sama tahun 2019 (**Lampiran A & C**).

Pada minggu ke-25 ini, jumlah kes mingguan Demam Denggi menunjukkan tren penurunan dan berada di bawah graf kes mingguan Demam Denggi tahun 2019 dan kes median untuk 5 tahun bagi 2015 hingga 2019 (**Lampiran B**). Lokaliti hotspot yang dilaporkan bertambah sebanyak satu (1) lokaliti dengan keseluruhan 99 lokaliti hotspot pada minggu ke-25 berbanding 98 lokaliti hotspot pada minggu sebelumnya. Majoriti iaitu 61.6% atau 61 lokaliti hotspot dari keseluruhan 99 lokaliti hotspot berada di negeri Selangor, diikuti 18 lokaliti hotspot (18.2%) di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Putrajaya, masing-masing tujuh (7) lokaliti hotspot di Negeri Sembilan (7.1%) dan Perak (7.1%), masing-masing dua (2) lokaliti hotspot di Melaka (2.0%) dan Kelantan (2.0%), serta masing-masing satu (1) lokaliti hotspot di Pulau Pinang (1.0%), dan di Sabah (1.0%) (**Lampiran B & D**).


Jangkitan Chikungunya melaporkan sebanyak 123 kes pada minggu ke-25 dengan majoriti iaitu 85 kes (69.1%) dilaporkan dari negeri Pulau Pinang. Selain itu, sebanyak 32 kes dilaporkan dari negeri Perak dan enam (6) kes dari Kelantan. Sehingga kini, dua (2) daerah yang melaporkan wabak aktif Chikungunya iaitu Daerah Timur Laut sebanyak 29 lokaliti manakala Daerah Kinta sebanyak 21 lokaliti wabak aktif. Jumlah kumulatif kes Chikungunya sehingga kini adalah sebanyak 991 (**Lampiran E**). Bagi surveilan Zika, sebanyak 826 sampel darah dan 15 sampel urin telah dijalankan saringan Zika dan kesemuanya adalah negatif Zika.

Berdasarkan tren mingguan kes Demam Denggi bagi 5 tahun lepas yang menunjukkan peningkatan kes bermula bulan Jun hingga September, seluruh lapisan masyarakat perlu bersikap proaktif dengan melakukan pembersihan persekitaran di kediaman masing-masing secara sendiri dan menghapuskan semua tempat berpotensi pembiakan Aedes. Gotong-royong norma baharu di kawasan kejiranan boleh dilakukan dengan memastikan penjarakan sosial dan memakai pelitup muka. Aktiviti lain yang perlu dilaksanakan sewaktu gotong-royong adalah membunuh bahan pembunuh jentik-jentik di bekas yang menakung air seperti kolah air atau kawasan yang terdapat takungan air. Bagi institusi pendidikan seperti sekolah, kolej dan universiti yang bakal dibuka, persediaan teliti perlu dilakukan oleh pihak pentadbir dengan cara memeriksa dan memusnahkan semua tempat takungan air seperti di tandas atau di kolah air bagi memastikan tiada tempat pembiakan nyamuk Aedes yang boleh menularkan virus denggi. Jadikan sikap peduli terhadap kebersihan persekitaran sebagai norma baharu dalam pencegahan Demam Denggi. Sikap leka, membawa padah. **Tiada Aedes, tiada Denggi, Chikungunya, dan Zika.**


  
**DATUK DR. NOOR HISHAM BIN ABDULLAH**  
Ketua Pengarah Kesihatan  
Kementerian Kesihatan Malaysia  
29 Jun 2020




Gambarajah 1: Perbandingan Kes dan Kematian Demam Denggi minggu ke- 24 dan ke- 25 tahun 2020



Gambarajah 2: Perbandingan Kes dan Kematian Demam Denggi sehingga minggu ke- 25 tahun 2020 dan tempoh sama tahun 2019



Gambarajah 3: Perbandingan tren kes Mingguan Demam Denggi Malaysia Tahun 2020, 2019 dan Median 2015-2019



Gambarajah 4: Jumlah lokaliti hotspot Denggi minggu ke- 25 tahun 2020

**KES DEMAM DENGGI DILAPORKAN PADA MINGGU 25/2020  
(14 Jun hingga 20 Jun 2020)**

| Bil. | Negeri            | Bilangan Kes dan Kematian di laporkan    |          |   |          | Kumulatif kes demam denggi sehingga minggu 25/2020 |           | Kumulatif kes demam denggi sehingga minggu 25/2019 |           |
|------|-------------------|--|----------|---|----------|--|-----------|--|-----------|
|      |                   | Minggu Epid 25<br>(14 Jun – 20 Jun 2020) |          | Minggu Epid 24<br>(7 Jun – 13 Jun 2020) |          | Kes  | Mati      | Kes  | Mati      |
|      |                   | Kes                                      | Mati     | Kes                                     | Mati     |  |           |  |           |
| 1    | Perlis            | 2  | 0        | 0                                       | 0        | 29   | 0         | 208  | 0         |
| 2    | Kedah             | 35                                       | 0        | 13                                      | 0        | 467  | 0         | 962  | 2         |
| 3    | P. Pinang         | 31                                       | 0        | 23                                      | 0        | 441  | 1         | 2,969  | 8         |
| 4    | Perak             | 37                                       | 0        | 89                                      | 0        | 1,923  | 3         | 1,582  | 2         |
| 5    | Selangor          | 722                                      | 1        | 830                                     | 0        | 29,264   | 29        | 34,057   | 30        |
| 6    | WP KL & Putrajaya | 397                                      | 0        | 336                                     | 0        | 5,733  | 5         | 6,711  | 4         |
| 7    | N. Sembilan       | 58                                       | 1        | 77                                      | 1        | 1,416  | 6         | 1,184  | 6         |
| 8    | Melaka            | 67                                       | 0        | 59                                      | 1        | 1,170  | 5         | 995  | 5         |
| 9    | Johor             | 189                                      | 0        | 246                                     | 1        | 4,806  | 19        | 4,900  | 15        |
| 10   | Pahang            | 76                                       | 0        | 80                                      | 0        | 1,398  | 4         | 684  | 4         |
| 11   | Terengganu        | 11                                       | 0        | 24                                      | 0        | 211  | 0         | 332  | 1         |
| 12   | Kelantan          | 58                                       | 0        | 65                                      | 0        | 1,823  | 4         | 1,651  | 2         |
| 13   | Sarawak           | 28                                       | 0        | 28                                      | 0        | 1,093  | 2         | 842  | 0         |
| 14   | Sabah             | 49                                       | 0        | 57                                      | 1        | 2,492  | 12        | 2,516  | 13        |
| 15   | WP Labuan         | 0  | 0        | 0                                       | 0        | 5  | 0         | 22   | 0         |
|      | <b>MALAYSIA</b>   | <b>1,760</b>                             | <b>2</b> | <b>1,927</b>                            | <b>4</b> | <b>52,271</b>                                      | <b>90</b> | <b>59,615</b>                                      | <b>92</b> |

Lampiran D

**LOKALITI HOTSPOT PADA MINGGU 25/2020  
(14 Jun hingga 20 Jun 2020)**

| NO | NEGERI     | DAERAH     | LOKALITI  | BIL. KES | TEMPOH WABAK (HARI) |
|----|------------|------------|---|----------|---------------------|
| 1  | SELANGOR   | H/Selangor | Apt Teratai Tbr Bb                              | 137      | 195                 |
| 2  | SELANGOR   | Petaling   | Sri Pjs 8 Mentari Court                         | 40       | 156                 |
| 3  | SELANGOR   | Petaling   | Sek 19 (Teres E : Jln 19/24 - 19/31)            | 30       | 82                  |
| 4  | PERAK      | Kinta      | Tmn Klebang Jaya                                | 26       | 82                  |
| 5  | SELANGOR   | Petaling   | Tmn Damai Utama 7 (P/puri Damai Utama)          | 27       | 77                  |
| 6  | SELANGOR   | H/Langat   | Jln Bm 6/A Bdr Bukit Mahkota                    | 19       | 76                  |
| 7  | SELANGOR   | Petaling   | Sri Ss 7 Shang Villa                            | 71       | 75                  |
| 8  | SELANGOR   | Sepang     | Cyberia Smarthome                               | 68       | 72                  |
| 9  | SELANGOR   | Petaling   | Tmn Equine (Flat Putra Permai Equine Blok B)    | 14       | 69                  |
| 10 | WPKL       | Titivangsa | Sek 1 W/Maju Blok F                             | 31       | 68                  |
| 11 | SELANGOR   | Petaling   | Sek U10 ( Alam Budiman : Jln U10/68 - U10/77b ) | 10       | 68                  |
| 12 | WPKL       | L/Pantai   | Vista Komanwel A                                | 28       | 66                  |
| 13 | SELANGOR   | Petaling   | Sri Pju 1a Pprt Lembah Subang 2 (Blok A - F)    | 23       | 66                  |
| 14 | SELANGOR   | Klang      | Bandar Putera 1 (01)                            | 37       | 66                  |
| 15 | SELANGOR   | H/Langat   | Jln Tkp 10-20 Tmn Kantan Permai                 | 30       | 66                  |
| 16 | WPKL       | Cheras     | Vista Tasik                                     | 62       | 63                  |
| 17 | SELANGOR   | Klang      | Taman Indah 01                                  | 22       | 62                  |
| 18 | SELANGOR   | Petaling   | Pst Bdr Puchong (Jln Wawasan 2)                 | 13       | 61                  |
| 19 | MELAKA     | Jasin      | Taman Maju Fasa 3                               | 59       | 61                  |
| 20 | SELANGOR   | H/Langat   | Jln Hentian 2-6 Hentian Kajang                  | 23       | 60                  |
| 21 | SELANGOR   | Klang      | Apartment Sri Ayu Bandar Putera                 | 22       | 60                  |
| 22 | SELANGOR   | Petaling   | Kota Perdana Kp 4 (Mawar Jaya)                  | 15       | 59                  |
| 23 | SELANGOR   | H/Langat   | Jln 5c/5-5c/11 & Jln 5d Tmn Langat Jaya         | 24       | 57                  |
| 24 | SELANGOR   | Petaling   | Pju 8 Apt Flora Damansara 1 (Blok A, B)         | 10       | 57                  |
| 25 | N SEMBILAN | Seremban   | Taman Coral Height                              | 25       | 56                  |
| 26 | SELANGOR   | Petaling   | Seksyen U2 (P/puri Ilham)                       | 16       | 54                  |
| 27 | SELANGOR   | Klang      | Bandar Putera 1 (02)                            | 40       | 54                  |



| NO | NEGERI     | DAERAH     | LOKALITI   | BIL. KES | TEMPOH WABAK (HARI) |
|----|------------|------------|--|----------|---------------------|
| 28 | PERAK      | Kinta      | Cherry Apartment   | 16       | 54                  |
| 29 | SELANGOR   | Petaling   | Usj 2/4  | 9        | 53                  |
| 30 | WPKL       | L/Pantai   | Vista Komanwel C   | 23       | 52                  |
| 31 | PERAK      | Kinta      | Kg Simee   | 18       | 52                  |
| 32 | WPKL       | Titiwangsa | Sek 1 W/Maju Blok C  | 15       | 51                  |
| 33 | SELANGOR   | Petaling   | Bt 13 1/2 Koi Tropika  | 8        | 51                  |
| 34 | WPKL       | Titiwangsa | Kptoj(Jln Handalan Blok 6,8,10)  | 19       | 50                  |
| 35 | SELANGOR   | Klang      | Bandar Puteri 03   | 10       | 50                  |
| 36 | SELANGOR   | Petaling   | Sri Pju 1a Pprt C : Blok G, H  | 17       | 48                  |
| 37 | SELANGOR   | Klang      | Bandar Puteri 06   | 12       | 48                  |
| 38 | PERAK      | Kinta      | K/B Pasir Pinji  | 23       | 48                  |
| 39 | SELANGOR   | Petaling   | Seksyen 8 (Teres A : Jln 8/1 - 8/13)   | 27       | 47                  |
| 40 | SELANGOR   | Petaling   | Kt Ss 2 ( 1 )  | 9        | 47                  |
| 41 | N SEMBILAN | Seremban   | Garden City Homes  | 12       | 47                  |
| 42 | WPKL       | L/Pantai   | Desa Sri Puteri (Blok D, E, F)   | 8        | 46                  |
| 43 | WPKL       | L/Pantai   | Meadow Park 2  | 15       | 46                  |
| 44 | SELANGOR   | Petaling   | Sek 13 ( Pangsapuri Brunfield Riverview )                                      | 19       | 46                  |
| 45 | WPKL       | Titiwangsa | Kem Wardieburn (Blok G)  | 27       | 45                  |
| 46 | SELANGOR   | Petaling   | Tmn Perindustrian Sri Kembangan  | 10       | 45                  |
| 47 | SELANGOR   | H/Selangor | Apt Mawar Tbr Bb   | 11       | 45                  |
| 48 | SELANGOR   | Petaling   | Tmn Bkt Serdang 10 (Vista Impiana)   | 13       | 45                  |
| 49 | N SEMBILAN | Seremban   | Taman Matahari Height  | 16       | 45                  |
| 50 | SELANGOR   | Petaling   | Tmn Sri Serdang 3 (Jln 18/30-18/44 & 18/46)                                    | 7        | 44                  |
| 51 | SELANGOR   | Petaling   | Tmn Puchong Utama (Jln Pu 3)   | 7        | 43                  |
| 52 | SELANGOR   | H/Langkat  | Appt Pendekar Jalan Tun Perak  | 7        | 43                  |
| 53 | SELANGOR   | H/Langkat  | Jln Dagang 1/1-1/11 Taman Dagang   | 14       | 43                  |
| 54 | WPKL       | L/Pantai   | Tmn Gembira C(Sbhg Jlnselesa,Jlnsukacita 2-4,Sbhg Jlnselesa 1,Jln Selesa 2-10) | 5        | 41                  |
| 55 | SELANGOR   | Petaling   | Sek U3 (P/puri Daisy B : Blok 3 - 8)   | 18       | 41                  |
| 56 | SELANGOR   | H/Langkat  | Appt Taman Kajang Mulia  | 13       | 41                  |
| 57 | SABAH      | Tawau      | Jk84 Taman Semarak Megah   | 12       | 41                  |

| NO | NEGERI     | DAERAH     | LOKALITI                                     | BIL. KES | TEMPOH WABAK (HARI) |
|----|------------|------------|--|----------|---------------------|
| 58 | WPKL       | Putrajaya  | Presint 9 - Fasa 3                           | 12       | 40                  |
| 59 | SELANGOR   | Klang      | Apartment Impian Sentosa                     | 30       | 40                  |
| 60 | SELANGOR   | Petaling   | Usj 2/5                                      | 10       | 40                  |
| 61 | N SEMBILAN | Seremban   | Taman Bukit Kepayang Fasa 3                  | 13       | 40                  |
| 62 | SELANGOR   | H/Langat   | Appt Sri Bayu Tmn Kema Cahaya                | 6        | 39                  |
| 63 | SELANGOR   | Petaling   | Sek U3 (Sbg Perdana Teres B : Jln Sp 2/1-16) | 10       | 39                  |
| 64 | WPKL       | L/Pantai   | Pangsapuri Zamrud                            | 10       | 38                  |
| 65 | WPKL       | Cheras     | Kuarters Guru, Bdr Sri Permaisuri            | 20       | 38                  |
| 66 | SELANGOR   | Petaling   | Tmn Tasik Prima 4                            | 13       | 38                  |
| 67 | SELANGOR   | H/Langat   | Evergreen Park Acorn & Hazel Bdr Sg Long     | 14       | 38                  |
| 68 | P PINANG   | T/Laut     | Taman Air Itam                               | 10       | 38                  |
| 69 | N SEMBILAN | Seremban   | Bdr Seremban Selatan Fasa 3a (Jln. 3/3)      | 16       | 38                  |
| 70 | N SEMBILAN | Seremban   | Taman Desa Flora                             | 10       | 38                  |
| 71 | MELAKA     | M/Tengah   | Kg Bukit Pulau                               | 17       | 38                  |
| 72 | WPKL       | L/Pantai   | Vista Komanwel B                             | 6        | 37                  |
| 73 | SELANGOR   | Petaling   | Bg Seksyen 19 ( 1 )                          | 8        | 37                  |
| 74 | SELANGOR   | H/Langat   | Persiaran Tkp Tmn Kantan Permai              | 5        | 37                  |
| 75 | PERAK      | Kinta      | Tmn Wah Keong                                | 5        | 37                  |
| 76 | SELANGOR   | H/Langat   | Jln Kenanga Kpg Sg Ramal Dalam               | 7        | 36                  |
| 77 | PERAK      | Kinta      | Kg Cempaka Sari                              | 10       | 35                  |
| 78 | SELANGOR   | Petaling   | Sek 7 (Teres E : Jln 7/29 - 35)              | 9        | 34                  |
| 79 | WPKL       | L/Pantai   | Central Residence                            | 8        | 33                  |
| 80 | SELANGOR   | H/Selangor | Lokaliti 2 Bdr Baru Btg Kali                 | 7        | 33                  |
| 81 | SELANGOR   | H/Selangor | Apt Anggerik Tbr Bb                          | 14       | 33                  |
| 82 | SELANGOR   | Klang      | Kampung Idaman 02                            | 8        | 33                  |
| 83 | SELANGOR   | H/Langat   | Jln Bm 6/D Bdr Bukit Mahkota                 | 8        | 33                  |
| 84 | SELANGOR   | Petaling   | Sek 13 ( Kgsaas : Jln 13/2-13/10f )          | 9        | 33                  |
| 85 | SELANGOR   | Petaling   | Tmn Puchong Permai (Flat 38 Blok A)          | 7        | 33                  |
| 86 | SELANGOR   | Petaling   | Tmn Pinggiran Usj 1                          | 6        | 33                  |
| 87 | SELANGOR   | Klang      | Ambang Botanik 05                            | 9        | 33                  |



| NO | NEGERI     | DAERAH    | LOKALITI                                      | BIL. KES | TEMPOH WABAK (HARI) |
|----|------------|-----------|---|----------|---------------------|
| 88 | SELANGOR   | H/Langat  | Kampung Batu 13 Kajang                        | 9        | 33                  |
| 89 | KELANTAN   | Tumpat    | Jln Masjid Khairiah Kg Baru Pasir Pekan       | 18       | 33                  |
| 90 | KELANTAN   | K/Bharu   | Pasir Lada                                    | 22       | 33                  |
| 91 | N SEMBILAN | Seremban  | Garden Avenue                                 | 4        | 32                  |
| 92 | WPKL       | Cheras    | Ppr Sri Alam A (Blok 1 - Blok 5)              | 10       | 32                  |
| 93 | WPKL       | L/Pantai  | Pearl Point Kondo                             | 7        | 32                  |
| 94 | WPKL       | Putrajaya | Presint 9 - Fasa 4                            | 7        | 32                  |
| 95 | SELANGOR   | Petaling  | Tmn Serdang Jaya 7 (Pkns Blok 1 -11)          | 14       | 32                  |
| 96 | SELANGOR   | Petaling  | Bdr Bkt Puchong (Vista Prima)                 | 6        | 32                  |
| 97 | SELANGOR   | Petaling  | Tmn Serdang Perdana Pstrn Perdana (One South) | 13       | 32                  |
| 98 | SELANGOR   | Klang     | Taman Sentosa 16                              | 12       | 32                  |
| 99 | PERAK      | Kinta     | Kg Sg Tapah Tambahan                          | 16       | 32                  |

**PECAHAN KES CHIKUNGUNYA MENGIKUT DAERAH DAN NEGERI  
SEHINGGA MINGGU 25/2020 (20 Jun 2020)**

| <b>BIL</b>              | <b>NEGERI</b> | <b>DAERAH</b>   | <b>BIL KES<br/>(Daerah)</b>                        | <b>BIL KES<br/>(Negeri)</b> |
|-------------------------|---------------|---|--|-----------------------------|
| 1                       | Perlis        | -   | -  | -                           |
| 2                       | Kedah         | Baling<br>Kota Setar<br>Kuala Muda<br>Kulim<br>Pendang<br>Sik<br>Yan  | 1<br>1<br>3<br>1<br>2<br>2<br>1                    | 11                          |
| 3                       | P. Pinang     | Barat Daya<br>Timur Laut<br>Seberang Perai Tengah   | 44<br>247<br>6                                     | 297                         |
| 4                       | Perak         | Batang Padang<br>Hulu Perak<br>Kampar<br>Kerian<br>Kinta<br>Kuala Kangsar<br>Larut, Matang & Selama<br>Manjung<br>Muallim | 60<br>2<br>160<br>1<br>277<br>16<br>110<br>13<br>1 | 640                         |
| 5                       | Selangor      | Klang<br>Petaling   | 1<br>2   | 3                           |
| 6                       | WPKL & P      | Kepong  | 1  | 1                           |
| 7                       | N. Sembilan   | -   | -  | -                           |
| 8                       | Melaka        | -   | -  | -                           |
| 9                       | Johor         | -   | -  | -                           |
| 10                      | Pahang        | Bera  | 1  | 1                           |
| 11                      | Terengganu    | -   | -  | -                           |
| 12                      | Kelantan      | Bachok<br>Kota Bharu<br>Kuala Krai<br>Machang<br>Tanah Merah<br>Tumpat  | 5<br>20<br>1<br>1<br>2<br>8                        | 37                          |
| 13                      | Sarawak       | -   | -  | -                           |
| 14                      | Sabah         | Kota Kinabalu   | 1  | 1                           |
| 15                      | WP Labuan     | -   | -  | -                           |
| <b>JUMLAH KUMULATIF</b> |               |   | <b>991</b>   |                             |